



# **JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN  
PENOLONG JURUTERA  
2010  
*MEKANIKAL***

**KOD : PTM02**  
**SUBJEK : PENGURUSAN WOKSYOP**  
**TARIKH : 10 MEI 2010**  
**MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG**

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PTM02 – PENGURUSAN WOKSYOP

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan  
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja*

**Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan**

SOALAN 1

- a) Apakah fungsi utama Bahagian Kawalan Stok di dalam tatacara pengurusan stor dan nyatakan tujuan ianya diadakan.

*(4 markah)*

- b) Minyak petrol dan diesel serta bahan-bahan kimia yang mudah terbakar perlu disimpan dengan cara yang selamat dan betul. Terangkan **empat (4)** cara untuk pengstoran bahan-bahan mudah terbakar.

*(8 markah)*

- c) Apakah yang dimaksudkan dengan Verifikasi Stok? Jelaskan **tiga (3)** peringkat pengkelasan barang untuk verifikasi stok.

*(8 markah)*

SOALAN 2

- a) Apakah **tiga (3)** tindakan yang sepatutnya diambil oleh seorang pemandu kerajaan yang terlibat dengan kemalangan?

*(6 markah)*

- b) Jelaskan proses kerja untuk Proses Pemeriksaan dan Penyediaan Laporan Kemalangan yang melibatkan kenderaan kerajaan.

*(14 markah)*

SOALAN 3

- a) Di dalam Pengurusan Kenderaan dan Loji Jabatan, rekod dan fail kenderaan/fail sejarah dan loji tersebut perlulah kemas dan sistematik. Nyatakan **empat (4)** perkara yang perlu ada di dalam sebuah fail kenderaan/fail sejarah tersebut.

*(4 markah)*

- b) Terangkan **dua (2)** tujuan atau keperluan untuk mengadakan pemeriksaan tahunan sesuatu aset di dalam sebuah Jabatan.

*(4 markah)*

- c) Penyelenggaraan adalah penting untuk kenderaan dan loji. Terangkan jenis-jenis penyelenggaraan dan berikan **satu (1)** contoh untuk setiap jenis penyelenggaraan tersebut.

*(12 markah)*

SOALAN 4

- a) Nyatakan prosedur-prosedur pembelian alat ganti atau peralatan melalui kaedah berikut:

- i) Pembelian melalui kontrak pusat
- ii) Pembelian melalui sebutharga
- iii) Pembelian melalui tender

*(10 markah)*

- b) Nyatakan secara terperinci syarat-syarat serta kelayakan untuk membuat pembelian terus bagi pembelian alat ganti.

*(10 markah)*

SOALAN 5

- a) Namakan **tiga (3)** jenis mesin angkat (*type of crane*) dan nyatakan jenis kegunaannya.

(6 markah)

- b) Nyatakan **empat (4)** komponen keselamatan yang terdapat pada Mesin Angkat Elektrik Jenis Laluan Atas (*Electrical Overhead Crane*) dan terangkan bagaimana komponen keselamatan tersebut berfungsi.

(12 markah)

- c) Namakan jabatan yang bertanggungjawab dalam memberi kelulusan bagi peralatan tersebut.

(2 markah)

SOALAN 6

- a) Setiap pemandu perlu memeriksa kenderaan pada tiap-tiap hari. Huraikan **empat (4)** tugas yang perlu dilakukan pada sesebuah kenderaan di dalam setiap keadaan berikut:

- i) Sebelum enjin dihidupkan
- ii) Selepas enjin dihidupkan

(16 markah)

- b) Nyatakan **empat (4)** tindakan yang perlu dilakukan oleh pemandu apabila selesai tugas memandu pada hari tersebut.

(4 markah)

SOALAN 7

- a) Nyatakan **empat (4)** tujuan pemeriksaan penilaian kenderaan kerajaan.

(4 markah)

- b) Terangkan **empat (4)** parameter utama untuk menentukan nilai sesebuah kenderaan.

(8 markah)

- c) Sebuah Proton Perdana V6 2.0 A milik Jabatan A telah tersenarai untuk dibuat penilaian harga rezab untuk lelongan umum. Disertakan di bawah perkara-perkara yang berkaitan untuk menentukan harga lelongan untuk kenderaan tersebut. Sila berikan anggaran penilaian harga rezab untuk kenderaan tersebut kepada Jabatan A untuk dilelong.

(8 markah)

Jenis / Model Kenderaan : Proton Perdana V6 2.0 (A) Tahun dibuat : 2000 Nilai Pembelian Asal : RM 100,000.00 Kadar Selepas Susut Nilai : 34% Kos Pembaikan Semasa : RM 10,000.00
--

SOALAN 8

- a) Sila nyatakan **empat (4)** faktor boleh dilakukan untuk mencegah dari berlakunya kemalangan di dalam woksyp.

(4 markah)

- b) Terangkan **empat (4)** tabiat bekerja yang baik untuk menjamin keselamatan.

(8 markah)

**SOALAN 8 (sambungan)**

- c) Terangkan **empat (4)** langkah keselamatan yang perlu diambil ketika menggunakan peralatan mesin.

*(8 markah)*

**SOALAN 9**

Keberkesanan sesebuah woksyp bergantung kepada beberapa faktor. Satu daripadanya ialah pengagihan tugas bagi setiap kakitangan di dalam woksyp tersebut.

- a) Huraikan **dua (2)** tugas dan tanggungjawab bagi setiap jawatan berikut:
- i) Pengurus woksyp
  - ii) Penyelia
  - iii) Operator mesin

*(12 markah)*

- b) Di dalam operasi sesebuah woksyp, merancang kerja adalah penting di dalam melaksanakan sesuatu tugas. Terangkan perkara-perkara yang perlu diambilkira semasa merancang kerja-kerja pembaikan sesebuah kenderaan.

*(8 markah)*

**SOALAN 10**

- a) Dalam pembelian pam baru untuk sistem pencuci kenderaan, anda diminta untuk menentukan/menyediakan spesifikasi pam. Terangkan parameter-parameter/perkara yang perlu diambilkira di dalam penyediaan spesifikasi tersebut.

*(10 markah)*

**SOALAN 10 (sambungan)**

- b) Terangkan apakah tindakan yang perlu dilakukan semasa mengawasi kerja pemasangan pam tersebut.

*(10 markah)*

\*\*\*\*\*